



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

KENYATAAN SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA NO.: JBPMKL 23/2023)

Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

Tajuk Projek	Kelayakan	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN KUARTERS JBPM KUALA LUMPUR, CHERAS Taklimat dan Lawatan Tapak Tarikh: 8.6.2023 (Khamis) Masa: 10.00 pagi Tempat: DEWAN KUARTERS BOMBA CHERAS Kehadiran: Diwajibkan Kepada Pemunya Nama Di Atas Sijil	CIDB Gred G2 Kategori B, CE, dan M Penghususan B24 (Kerja Penyelenggaraan Bangunan) B08 (Pemasangan Bahan Kalis Air) CE21 (Kerja-kerja am kejuteraan awam) M22 (Sistem pam) Tempoh Sah Laku Tawaran 90 hari	Peti Sebut Harga, Cawangan Kewangan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur. Tarikh: 15 Jun 2023 (RABU) Masa : 12.00 tengahari

* Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi semasa taklimat dan lawatan tapak dijalankan.

3. Sijil Pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), serta Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera dengan PKK (jika ada) yang asal dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga dan salinan fotostat hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur.

Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan/atau tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak.

4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan **Tajuk dan Nombor Sebut Harga** di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Cawangan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 15 JUN 2023 (KHAMIS)**. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos.

5. Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi pegawai berikut untuk penjelasan lanjut.

1. Nama: Ahmad Fairuz bin Kamsari
Jawatan: Penolong Kanan Penguasa Bomba (KB32)
No. Tel.: 017-7491393
E-Mel: unitpembangunan@bomba.gov.my
2. Nama: Rosdhi Fitri bin Roslan
Jawatan: Penguasa Bomba (KB41)
No. Tel.: 019-4635542
E-Mel: rosdhi_fitri@bomba.gov.my

6. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat www.bomba.gov.my

Diluluskan Oleh:



PKPjB Ts. HJ. HAMDAN BIN HJ. ALI

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur

Tarikh: 2.6.2023

